

**HUBUNGAN ANTARA 'ASABIYYAH DAN KERUNTUHAN KERAJAAN BANI UMAYYAH:  
SUATU ANALISIS MENURUT IBN KHALDUN**

Ahmad Sabri Osman  
Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU)  
Universiti Teknologi MARA Perlis  
02600 Arau Perlis

**Abstrak**

*Kertas ini akan cuba membincangkan tentang persoalan 'asabiyyah yang dikaitkan dengan kebangunan dan kekuatan sesebuah kerajaan. Bagaimanapun dalam kertas ini penulis akan membincangkan tentang bagaimana 'asabiyyah juga menjadi faktor keruntuhan sesebuah kerajaan khususnya kerajaan Bani Umayyah yang memerintah selama hampir satu abad (41-132H/661- 750M). Ini berdasarkan teori yang telah dikemukakan oleh Ibn Khaldun dalam kitabnya yang tidak asing lagi iaitu Muqaddimah.*

**1.0 PENDAHULUAN**

Istilah 'asabiyyah pernah mencetuskan kontroversi yang mencemaskan perpaduan umat Islam di seluruh dunia amnya dan di Malaysia sendiri khususnya suatu ketika dulu. Ini adalah akibat daripada salah faham umat Islam terhadap istilah tersebut. Ramai umat Islam menganggap bahawa ia bertentangan dengan ajaran Islam tanpa mengkaji terlebih dahulu kebenaran anggapan itu. Usaha untuk mengangkat maruah bangsa dan negara adalah suatu usaha yang dituntut oleh Islam selagi ia tidak membelakangkan ajaran Islam yang terkandung di dalam al-Quran dan al-Sunnah.

**2.0 PENGERTIAN 'ASABIYYAH**

Perkataan 'asabiyyah, 'asabiyyun, taassub berasal daripada akar kata 'asab ('asb) yang bererti menambat, mengikat, memintal sesuatu (Ibn Manzur, 1300H). Ia juga membawa erti berkumpul (Jabran, 1967) atau membalut (Yunus, 1967). Daripada akar kata itu, lahirlah perkataan 'asabiyyah yang mempunyai pelbagai erti yang hampir sama. Antaranya ialah:

a. Seseorang yang bersangat terikat dengan kumpulan atau jemaahnya dan bersungguh-sungguh pula memberikan pertolongan di samping ta'assub dengan dasarnya serta mereka itu berpakat di atas kezaliman (Ibn Manzur, 1300H).

b. Kaum keluarga daripada sebelah bapa ('asabiyyah qabilah). Ia juga bererti kegelisahan dalam saraf pemikiran yang menyebabkan cepatnya timbul perasaan marah (Jabran, 1967).

c. Hubungan yang sangat kukuh antara seseorang itu dengan kumpulannya atau jemaahnya dan dia bersungguh-sungguh menolongnya serta tidak menerima prinsip jemaah lain selain daripada prinsip jemaahnya (Al-Munjid, 1973).

d. Ta'assub: Tidak menerima kebenaran pada masa jelas kebenarannya.

e. al-'Asabiyyun: Yang menolong kaumnya atas kezaliman, memarahi lantaran kemarahan kaumnya dan memberi pertolongan kepadanya.

h. Al-'Asabiyy: Satu kumpulan atau puak daripada manusia. Mereka yang menolong kaumnya atas kezaliman. Mereka yang mempertahankan kumpulannya, memarahi dan membenci sesuatu lantaran kebencian kumpulannya (Jabran, 1967).

Menurut 'Abd al-Raziq al-Makki (1970), kata asabiyyah mempunyai kaitan yang erat dengan 'ashab yang bererti hubungan dan kata 'ishabah yang bererti ikatan. Pada asalnya, kata 'asabiyyah bererti ikatan mental yang menghubungkan orang-orang yang mempunyai hubungan kekeluargaan. Sebagai landasannya ialah bahawa bahasa Arab menyebut para keluarga dengan 'ashabah ('Abd al-Raziq, 1970).

Daripada definisi-definisi bahasa itu dapat difahami bahawa 'asabiyyah ialah perasaan dan sifat yang wujud bagi sesuatu kumpulan atau puak samada ia baik atau buruk. Ini kerana 'asabiyyah selain merupakan sifat, ia juga merujuk kepada kadar bagi bilangan individu dalam kumpulan manusia (W. Mohd Azam, 1997).

'Asabiyyah merupakan perkataan Arab yang bermaksud semangat fanatisme atau kefanatikan golongan, keterikatan seseorang yang sangat kuat terhadap kelompok atau jemaahnya untuk membela dan mempertahankan prinsip-prinsipnya. Daripada perkataan itu juga, lahir perkataan ta'assaba iaitu berpegang kuat. Ta'assub (kata terbitan daripada ta'assaba) pula bererti tidak menerima kebenaran yang tidak sesuai dengan pendiriannya (Ensiklopedi Islam, t.t.).

Bangsa Arab terutama sebelum Islam menganut sistem dan hidup dalam kelompok kekerabatan yang besar. Struktur masyarakatnya didasarkan kepada susunan klan yang keanggotaannya didasarkan kepada hubungan darah. Sistem hubungan demikian menumbuhkan perpaduan kesukuan yang kuat dan lebih jauh dapat menimbulkan chauvinisme (sifat patriotik yang berlebih-lebihan). Suku lain dianggap musuh yang harus dibinasakan. Akibatnya sering terjadi konflik dan pertumpahan darah antara suku. Suatu suku yang mempunyai 'asabiyyah yang kuat dapat menakluk suku-suku yang lain yang 'asabiyyahnya lemah. Suku seperti ini dapat membentuk kekuasaan dan tampil sebagai pemimpin bagi suku-suku yang ditakluknya. 'Asabiyyah juga dapat mengikat beberapa suku untuk mewujudkan tujuan bersama iaitu merebut kepemimpinan dan kekuasaan kolektif di antara banyak suku yang ada (Ensiklopedi Islam, t.t.).

### 3.0 BENTUK-BENTUK 'ASABIYYAH

Menurut 'Abd Raziq al-Makki (1970), ada lima bentuk 'asabiyyah:

1. 'Asabiyyah kekerabatan dan keturunan. Ini adalah 'asabiyyah yang paling kuat.
2. 'Asabiyyah persekutuan yang terjadi kerana keluarnya seseorang dari garis keturunannya yang semula ke garis keturunan yang lain.
3. 'Asabiyyah kesetiaan yang terjadi kerana peralihan seseorang dari satu garis keturunan ke keturunan yang lain akibat keadaan sosial.

la timbul dari persahabatan dan pergaulan yang tumbuh dari ketergabungan seseorang pada garis keturunan yang baru.

4. 'Asabiyyah penggabungan iaitu 'asabiyyah yang terjadi kerana larinya seseorang dari keluarga dan kaumnya dan bergabung pada keluarga dan kaum yang lain.
5. 'Asabiyyah perbudakan yang timbul dari hubungan antara para budak dan kaum mawali dengan tuan-tuan mereka.

Jadi 'asabiyyah menurut Ibn Khaldun tidak hanya meliputi satu keluarga sahaja yang dihubungkan melalui tali kekeluargaan tetapi ia juga meliputi hubungan yang timbul akibat terjadinya persekutuan dan perhambaan. Selain asas hubungan kekeluargaan, asas persaudaraan dan saling kasih-mengasahi yang berkembang di kalangan individu lalu membentuk suatu perpaduan sosial juga menyumbang kepada pembentukan semangat 'asabiyyah (Nasy'at, 1944).

### 4.0 AL-'USBAB DALAM AL-QURAN

Terdapat empat perkataan 'usab dalam al-Quran yang semuanya menggambarkan makna puak atau kumpulan. Kumpulan atau puak itu mempunyai pertalian darah daging dan keturunan. Antaranya ialah:

- a. Maksudnya: "*Sesungguhnya Qarun itu termasuk kaum Nabi Musa, maka ia berlaku aniaya terhadap mereka dan kami (Allah) menganugerahkan kepadanya harta yang anak kuncinya berat dipikul oleh al-'usab(kumpulan) orang kuat.*"(al-Quran,28:76)
- b. Maksudnya: "*Ketika mereka berkata: Sesungguhnya Yusuf dan saudara kandungnya (Bunyamin) lebih dicintai oleh ayah kita dari kita sendiri. Padahal kita adalah satu 'usab*". (al-Quran, 12:8)
- c. Maksudnya: "*Mereka berkata: jika dia dimakan oleh serigala, padahal kami 'usab (kumpulan), sesungguhnya kami kalau begitu adalah orang yang rugi.*"(al-Quran,12:14)
- d. Maksudnya: "*Sesungguhnya orang yang membawa berita bohong itu adalah dari usab kamu juga.*"(al-Quran, 24:11)

makna puak atau kumpulan. Kumpulan atau puak itu mempunyai pertalian darah daging dan keturunan. Antaranya ialah:

- a. Maksudnya: *"Sesungguhnya Qarun itu termasuk kaum Nabi Musa, maka ia berlaku aniaya menganugerahkan kepadanya harta yang anak kuncinya berat dipikul oleh al'usbah (kumpulan) orang kuat."*(al-Quran,28:76)
- b. Maksudnya: *"Ketika mereka berkata: Sesungguhnya Yusuf dan saudara kandungnya (Bunjamin) lebih dicintai oleh ayah kita dari kita sendiri. Padahal kita adalah satu 'usbah".*(al-Quran, 12:8)
- c. Maksudnya: *"Mereka berkata: jika dia dimakan oleh serigala, padahal kami 'usbah (kumpulan), sesungguhnya kami kalau begitu adalah orang yang rugi."*(al-Quran,12:14)
- d. Maksudnya: *"Sesungguhnya orang yang membawa berita bohong itu adalah dari usbah kamu juga."*(al-Quran, 24:11)

**5.0 'ASABIYYAH DALAM AL-HADITH**

Terdapat beberapa buah hadis yang menyebut tentang perkataan 'asabiyyah, antaranya ialah:

- a. Sesiapa yang keluar dari ketaatan dan berpisah dari jamaah lalu mati maka matinya adalah mati jahiliah. Dan sesiapa yang berperang di bawah panji-panji kesesatan (iaitu) ia marah kerana 'asabiyyah ataupun menyeru kepada 'asabiyyah ataupun ia menolong 'asabiyyah maka matinya itu adalah mati jahiliah (Al-Mundhiri, 1972).
- b. Bukan dari golongan kami orang yang menyeru kepada 'asabiyyah, dan bukan dari golongan kami orang yang berperang di atas dasar 'asabiyyah dan bukan dari golongan kami orang yang mati di atas dasar 'asabiyyah (Ibn Majah, 1953).
- c. Seorang lelaki telah berkata: wahai Rasulullah! Adakah daripada 'asabiyyah jika seorang lelaki itu mencintai kaumnya?. Sabda Nabi: Tidak, tetapi 'asabiyyah itu adalah seorang yang menolong kaumnya di atas kezaliman (Abu Daud, t.t.).
- d. Dari Wathilah bin al-Asyfa': Aku berkata: Wahai Rasulullah! apakah 'asabiyyah itu? Sabda baginda: Bahawa kaum menolong kaum kamu di atas kezaliman (Abu Daud, t.t.).
- e. Barang siapa terbunuh di bawah panji-panji kesesatan, ia menyeru 'asabiyyah atau menolong 'asabiyyah, maka bangkainya itu ialah bangkai jahiliah (Al-Mundhiri, 1972).

Daripada hadith-hadith yang dibentangkan di atas, jelas bahawa 'asabiyyah yang dimaksudkan itu ialah yang melakukan kezaliman dan dia menolong kaumnya untuk berbuat zalim. 'Asabiyyah seperti ini adalah perpaduan orang terhadap kaumnya untuk melawan kaum lain tanpa landasan agama. 'Asabiyyah jenis ini adalah dikeji dan dilarang dalam Islam.

**6.0 'ASABIYYAH MENURUT IBN KHALDUN**

Ibn Khaldun menyatakan bahawa agama merupakan faktor penggerak yang paling berkesan. Agama tidak akan berkembang tanpa semangat 'asabiyyah (Al-Khudhairi, 1987). Beliau sendiri menyedari bahawa terdapat riwayat hadith yang melarang semangat 'asabiyyah tetapi Ibn Khaldun melihat larangan tersebut daripada sudut yang berbeza. Larangan 'asabiyyah di situ bukanlah berbentuk umum (kulliyat) tetapi khusus di mana 'asabiyyah yang dilarang adalah 'asabiyyah yang tidak memberi faedah kepada perkembangan agama dan membawa perpecahan kepada ummah. Jika ia bertujuan untuk menegakkan agama Allah maka ia digalakkan. Beliau memberi contoh larangan Rasulullah SAW terhadap sifat marah dan celaan terhadap hawa nafsu. Celaan dan larangan terhadap kedua-dua sifat itu bukan berbentuk kulliyat tetapi khusus kepada sifat marah yang menyeleweng. Ini kerana sifat marah dan nafsu juga membawa kebaikan jika dipandu mengikut landasan sebenar, maka begitu juga dengan larangan terhadap asabiyyah (Ibn Khaldun, 1979):

Ibn Khaldun menyatakan bahawa asal-usul pengertian 'asabiyyah adalah daripada perhubungan yang dihasilkan oleh pertalian darah daging keturunan ataupun yang seumpama dengannya. Perhubungan itu ialah perasaan kasih sayang (silat al-Rahm) yang ada pada manusia secara semula jadi. Maka 'asabiyyah ialah satu sifat dan perasaan yang wujud dalam diri manusia secara semula jadi lagi. Seseorang itu akan merasai kesannya apabila salah seorang daripada individu yang ada pertalian darah daging dengannya dizalimi (W: Mohd Azam, 1997).

Menurut Ibn Khaldun lagi, 'asabiyyah timbul secara 'alamiyah dalam kehidupan manusia kerana adanya pertalian darah atau perkauman. Dengan kata lain, 'asabiyyah adalah rasa cinta setiap orang terhadap nasab (asal keturunan) dan golongannya. Perasaan cinta kasih tersebut menimbulkan perasaan senasib sepenanggungan,

harga diri, kesetiaan dan kerjasama dalam menghadapi musuh, musibah dan untuk mencapai tujuan-tujuan tertentu. Pertalian yang demikian melahirkan persatuan dan pergaulan (al-ittihad wa al-iltizam). Pertalian semacam ini bisa juga terjadi antara mawali (penolong, pelindung) dan sekutu-sekutunya seperti hubungan pertalian nasab (Ensiklopedi Islam, t.t.)

Asabiyyah menurut Ibn Khaldun adalah merupakan unsur penting dalam perkembangan masyarakat dan pembinaan tamadun. 'Asabiyyah adalah merupakan asas kepada pembinaan sesebuah negara dan kerajaan. Kerajaan terbina dari penguasaan, penguasaan pula terhasil melalui semangat 'asabiyyah. Masyarakat yang mempunyai semangat 'asabiyyah yang tinggi akan dapat membina kerajaan yang lebih luas dan kuat serta dapat mengalahkan lawan mereka (Ibn Khaldun, 1979). Pemikir selepas Ibn Khaldun di dalam penelitian mereka mendapati pendapat Ibn Khaldun adalah benar kerana sejarah telah membuktikan bahawa bangsa yang berupaya membina tamadun dan empayar kerajaan yang besar adalah terdiri dari bangsa Berber, Badwi atau seumpamanya. Mereka mempunyai semangat 'asabiyyah dan keberanian yang tinggi seperti bangsa Monghul, Arab, Turki dan sebagainya (Bouthoul, 1955):

'Asabiyyah telah dijadikan oleh Allah SWT dalam diri manusia untuk mempertahankan diri dan bangsa atau puak dari serangan musuh. Perasaan ini sangat penting bagi sesuatu bangsa untuk terus hidup dan berkembang maju. Ibn Khaldun menekankan kepentingan sifat ini ketika sesuatu puak itu dizalimi iaitu untuk mempertahankan puak itu tetapi bukannya untuk menzalimi pihak lain (Ibn Khaldun, 1966).

**7.0 'ASABIYYAH PUNCA KERUNTUHAN KERAJAAN BANI UMAYYAH**

Apa yang dimaksudkan oleh Ibn khaldun dengan 'asabiyyah sebagai punca keruntuhan kerajaan Bani Umayyah adalah sebagaimana berikut:

a. 'Asabiyyah disanjung setaraf dengan akidah Islam Apabila kekuasaan itu berada di tangan sesuatu puak dan puak itu mewariskannya turun-temurun, maka golongan itu menjadikannya sebagai suatu akidah yang diimani. Mereka menganggap golongannya sahaja yang layak memerintah. Dalam konteks ini, 'asabiyyah tidak diperlukan malah ditentang oleh Ibn Khaldun.

Ini kerana ia mendorong manusia untuk berperang sesama sendiri demi kepentingan kuasa dan pangkat serta sanggup berpecah-belah demi kepentingan diri sendiri. Mereka mentaati ketua mereka seperti mentaati kitab Allah yang tidak boleh diubah dan ditentang. Islam menentang 'asabiyyah seperti ini (Ibn Khaldun, 1966) tetapi inilah yang berlaku terhadap pemerintahan kerajaan Bani Umayyah.

Manusia telah dibekali oleh Allah s.w.t. secara semula jadi sifat zalim dan taqwa. Manusia akan lebih cenderung kepada kezaliman apabila ia gagal membaiki tabiatnya sebagaimana yang dituntut oleh al-Quran (Ibn Khaldun, 1966). Jelaslah bahawa 'asabiyyah boleh disalurkan ke arah kebaikan dan juga kejahatan seperti yang berlaku pada zaman jahiliyyah atau lebih dikenali dengan nama 'asabiyyah jahiliyyah. Lantaran itu, 'asabiyyah yang dimaksudkan oleh Ibn Khaldun itu dianjurkan oleh Islam kerana ia menjurus ke arah kebaikan iaitu sifat atau perasaan ingin tolong-menolong, berkasih sayang, membebaskan kumpulan daripada ancaman musuh dan sebagainya. Islam menentang 'asabiyyah jahiliyyah iaitu yang menzalimi orang lain, menindas puak atau bangsa lain (W. Mohd Azam, 1997).

b. 'Asabiyyah wujud kerana berbilang kaum dan suku puak

Menurut Ibn Khaldun lagi; jarang sekali terjadi sebuah negara yang mampu ditegakkan dengan aman ditempat yang didiami oleh banyak suku puak dan golongan. Ini kerana akan terdapat perbezaan pendapat dan keinginan. Setiap pendapat dan keinginan akan disokong oleh semangat 'asabiyyah yang mampu melindunginya. Penyelewengan dan pemberontakan terhadap negara sering terjadi sekalipun negara itu didasarkan atas semangat 'asabiyyah kerana setiap suku puak merasa diri mereka terjamin dan kuat (Ibn Khaldun, 1986). Menurut beliau lagi, sekali usaha pemusatan kekuasaan dalam tangan seorang telah tercapai dan kemewahan serta sifat malas telah melata, bererti negara sedang mendekati saat kehancurannya. Selama kemegahan masih sama dirasakan oleh semua anggota, mereka masih mahu berjuang mempertahankan milik mereka tetapi apabila seseorang telah memusatkan kuasa dalam tangannya bererti ia telah mulai menekan keinginan orang lain dan merosakkan perasaan solidariti. Lebih dari itu, ia berusaha mengumpul kekayaan dengan mengkesampingkan orang lain. Akibatnya anggota golongan itu menjadi malas dan enggan berperang. Ia membawa kelemahan solidariti dan hilangnya sifat kejantanan serta negara akan runtuh (Ibn Khaldun, 1986).

c. Teori Ibn Khaldun mengenai umur negara dan putaran generasi

Kata Ibn Khaldun lagi, umur yang wajar bagi negara secara umumnya tidak boleh lebih daripada tiga keturunan. Satu keturunan dikira berdasarkan tempoh matang seorang manusia iaitu 40 tahun. Keturunan yang pertama memiliki watak yang kasar, berani, bersatu-padu dan mampu menguasai bangsa lain tetapi belum mempunyai penempatan yang tetap dan sempurna. Keturunan yang kedua telah berubah dari segi cara hidup seperti pengembara yang kasar, ganas, suka berperang dan sebagainya kepada cara hidup menetap, menikmati kesenangan dan kemewahan... semuanya ini sedikit sebanyak telah melonggarkan ikatan perpaduan antara mereka. Keturunan yang ketiga, oleh kerana terlalu asyik dengan kesenangan dan kemewahan menyebabkan pemerintah atau raja lupa kepada rakyatnya sehinggakan rakyat yang sebelumnya menyokongnya kini telah menjadi musuhnya (Charles, 1976).

Perubahan ini telah membuka jalan ke arah kehancuran negara itu dan bermulanya penyakit yang sukar diubati. Ia menandakan hilangnya solidariti dan rakyat menunggu peluang untuk menjatuhkannya dari tampuk pemerintahan negara. Itulah yang terjadi kepada dinasti Umayyah di mana para khalifahnya menyerahkan urusan perang dan pentadbiran negara kepada bangsa Arab seperti 'Amr ibn Sa'dan ibn Abi Waqash, Abdullah ibn Ziad ibn Abi Sufyan, al-Hajjaj ibn Yusof, al-Muhallab ibn Abi Shufrah, Khalid ibn Abdillah al-Qasriy, ibn Hubirah, Musa ibn Nushair, Bilal ibn Abi Burdah ibn Abi Musa al-Asy'ari, Nashr ibn Sayyar dan mengeneppikan golongan mawali. Pendeknya negara dan kekuasaan telah berpindah tangan kepada orang yang tidak ada kena mengena dengan penubuhannya (Ibn Khaldun, 1986).

d. 'Asabiyyah mewujudkan penindasan terhadap golongan mawali

Gelaran mawali, tunggal mawla yang bererti kaum bukan Arab yang memeluk Islam bermula dari zaman pembukaan. Setelah Negeri Iraq ditakluki oleh orang Arab ramai daripada penduduk tempatan yang berbangsa Parsi memeluk Islam. Mereka telah bergabung dengan suku-suku kaum Arab yang besar menerusi sistem hilf (persyarikatan) dan istilhaq (penggabungan). Orang Arab yang telah menjadi anggota asal bagi suku yang bergabung dengan golongan mawali mempunyai kedudukan

yang lebih tinggi daripada orang yang terkemudian dan kadangkala menjadi pelindung dan penaung kepada golongan mawali. Pada masa pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin tidak ada diskriminasi di antara orang Arab dengan mawali malah ramai di antara golongan mawali atau dikenali juga dengan al-hamra' pada zaman Khalifah Umar al-Khattab telah dilantik menjadi pegawai pentadbir di wilayah-wilayah Iraq. Oleh sebab itu, tidak terdapat sebarang penentangan atau pemberontakan golongan ini di sepanjang pemerintahan Khalifah Umar hingga ke zaman Khalifah Ali bin Abi Talib (Mahayudin, 1986).

Dasar pemerintahan Bani Umayyah pada keseluruhannya berdasarkan keturunan dan perkauman. Ia bertentangan dengan dasar pemerintahan Khalifah Umar dan Ali. Keutamaan hanya diberikan kepada keluarga Umayyah dan keturunan Arab sedangkan golongan mawali dianggap sebagai masyarakat kelas kedua sehingga mereka tidak boleh melakukan sesuatu tindakan tanpa mendapat keizinan daripada penaung-penaung mereka yang terdiri daripada orang Arab. Golongan mawali tidak dibenarkan menjawat jawatan penting terutama dalam bidang kehakiman, ketenteraan dan politik. Dari segi ekonomi, golongan mawali mempunyai pendapatan yang kecil yang kebanyakannya tidak menerima sara hidup yang tetap samada berkhidmat atau tidak berkhidmat dengan tentera. Jika adapun, pendapatan mereka jauh lebih kecil daripada sara hidup yang diterima oleh orang Arab. Dari segi sosial, golongan mawali lelaki tidak dibenarkan berkahwin dengan perempuan Arab manakala dari segi ibadat pula, golongan mawali tidak dibenarkan bersembahyang bersama-sama kaum Arab sehinggakan di setengah daerah, beberapa buah masjid didirikan khusus untuk golongan mawali. Di Kufah umpamanya, terdapat sebuah masjid yang dinamakan 'Masjid al-Mawali'. Keadaan ini menjadi bertambah teruk di zaman Khalifah Abdul Malik bin Marwan yang dibantu oleh gabenornya al-Hajjaj yang terkenal keras dan tegas terhadap rakyat terutamanya bukan Arab (Mahayudin, 1986).

e. 'Asabiyyah mencetuskan penentangan golongan mawali terhadap kerajaan Bani Umayyah

Rasa tidak puas hati di kalangan mawali terhadap pemerintahan Umayyah telah bermula sejak awal lagi iaitu sejak pemerintahan Khalifah Muawiyah. Namun begitu, setelah Muawiyah meninggal dunia keadaan di Iraq telah menjadi kucar kacir sehingga muncul al-Mukhtar bin Abi 'Ubaid di Kufah pada

tahun 66H/ 686M. Golongan mawali telah bersetuju dengan al-Mukhtar kerana beliau dikatakan cuba mempertingkatkan imej golongan mawali ke taraf orang Arab. Walaupun bilangan golongan mawali dikatakan jauh lebih kecil jika dibandingkan dengan orang Arab, namun peranan mereka dalam gerakan menentang kerajaan Umayyah adalah penting dan berkesan. Salah seorang daripada pemimpin mawali bernama Kaisan Abu Ammarah telah dilantik oleh al-Mukhtar sebagai ketua pegawai peribadinya. Dari beliaulah terbentuknya mazhab Kaisaniyyah iaitu salah satu daripada mazhab Syiah yang empat - Kaisaniyyah, Imamiyyah, Zaidiyyah dan Ismailiyyah (Mahayudin, 1986).

Sikap kerajaan mengutamakan orang Arab dalam jawatan-jawatan negara mendorong golongan mawali mempelajari bahasa Arab. Dengan cara demikian menjadikan seluruh penduduk negeri yang dikuasai kerajaan Islam pada masa itu berbahasa Arab dan menjadi sebahagian bangsa Arab seperti penduduk utara Afrika dan orang Qibti di Mesir. Pemerintahan Bani Umayyah juga berusaha menjadikan unsur kebudayaan asing yang dibawa masuk ke dalam negeri pada masa itu berbentuk Arab dapat diterima oleh semua bangsa yang mendiami negeri Islam, dengan meninggikan lambang pemerintahan Islam atau tegasnya pemerintahan Arab. Akhirnya timbul persaingan hebat antara orang Arab dengan orang Parsi malah muncul suatu aliran yang menuntut persamaan taraf antara orang Arab dengan bangsa-bangsa lainnya. Pendokong faham ini akhirnya berubah lalu mendakwa bahawa martabat orang Parsi lebih tinggi daripada martabat orang Arab. Orang-orang dari keturunan yang lain daripada bangsa Arab itu menganggap orang Parsi lebih bijak dalam lapangan syarahan dan ketenteraan. Malah orang Arab sendiri ramai yang tidak tahu menulis, mengira dan dalam urusan pentadbiran mereka itu banyak bergantung kepada golongan mawali itu. Oleh sebab itu golongan mawali itu merasa kedudukan mereka lebih penting dan taraf mereka lebih tinggi. Kerajaan sentiasa berhajat kepada mereka khususnya dalam masa peperangan, bidang kesusasteraan, perdagangan dan pertanian.

f. 'Asabiyyah melahirkan rasa ego dan bangga diri

Perasaan bangga dengan kebolehan dan peranan mereka yang besar itu mendorong mereka ingin keluar melawan kerajaan Bani Umayyah lalu bergabung dengan kumpulan yang menentang

pemerintahan Umayyah kerana dengan langkah itu mereka dapat melemahkan kedudukan pemerintah. Golongan mawali ini bergabung dengan mana-mana kumpulan juga yang menentang kerajaan Bani Umayyah seperti Khawarij dan Syiah.

Faham berbangga dengan keturunan puak (kabilah) salah satu sebab yang melemahkan kerajaan Bani Umayyah. Pada zaman jahiliah, kerap berlaku peperangan antara satu kabilah dengan satu kabilah yang lain disebabkan oleh faham tersebut. Setelah datang agama Islam, faham itu dihapuskan dan Islam mengisytiharkan bahawa manusia semuanya sama di sisi Allah SWT. Orang yang paling mulia ialah yang paling kuat taqwanya. Faham itu hilang sama sekali di zaman Rasulullah SAW dan Khulafa' al-Rasyidin tetapi mulai timbul kembali pada zaman Muawiyah.

Mula timbulnya faham ini adalah antara puak Yaman dan puak Mudhar, dua kabilah yang masyhur dan terbesar di negeri Arab dari zaman jahiliyyah. Kedua-dua kabilah ini sering beradu kekuatan walaupun keduanya banyak mempunyai persamaan terutama tentang adat dan budi pekerti. Puak Yaman pada zaman sebelum kedatangan Islam telah mencapai taraf tamadun yang tinggi dan apabila mereka membuka negeri baru mereka itu telah pernah menikmati taraf kehidupan yang tinggi dan berjaya membentuk pemerintah yang teratur. Sebaliknya orang Mudhar kecuali orang Quraisy hidup dalam keadaan yang mundur. Satu golongan dengan golongan yang lain sentiasa bermusuhan dan pulau-memulau menjadikan mereka itu lemah dan tunduk kepada pemerintahan golongan Yaman (Khairuddin, 1979).

Kabilah Arab itu berpendapat mereka sama-sama memeluk agama Islam dan bersama-sama berhijrah apabila Nabi memerintahkan berhijrah. Tetapi yang menimbulkan rasa tidak puas hati kabilah-kabilah itu ialah kerana kaum Quraisy mendapat keutamaan menjalankan pemerintahan sedangkan tanggungjawab dan kewajiban mempertahankan Islam dari ancaman musuh adalah tanggungjawab bersama. Pembolotan kuasa memerintah oleh puak Quraisy dari Umayyah menyebabkan kemarahan kabilah Arab yang lain lalu mereka menuduh kaum Quraisy zalim. Kabilah Arab yang lain mendakwa bahawa mereka sama-sama memberi sumbangan kepada kebangkitan umat Islam maka mengapa kepada mereka tidak diberi peluang yang sama. Hal ini menimbulkan suasana pecah belah dalam masyarakat dan

melemahkan pemerintahan Bani Umayyah. Selain daripada itu terdapat suatu faham lagi iaitu faham membanggakan antara Bani Hasyim dan Bani Umayyah. Sikap kabilah Arab yang lain terhadap dua suku keturunan ini tidak sekata, ada yang menyokong satu pihak dan menentang satu pihak yang lain. Apabila tidak wujud kesatuan antara orang Arab maka mudahlah ia jatuh ke tangan musuh yang sedang menunggu saat kejatuhan itu (Khairuddin, 1979).

Puncak dari sikap atau semangat kesukuan itu ialah mementingkan anak sendiri dalam pemilihan Putera Mahkota dengan mengeneipkan saudara-saudara sendiri dan keturunan Umayyah. Sistem politik anti demokrasi ini mula-mula diamalkan oleh Marwan al-Hakam dengan mengeneipkan Khalid bin Yazid dan Amru bin Said seperti yang ditetapkan dalam Mukhtamar al-Jabiyah, sebaliknya dia melantik putera-puteranya Abdul Malik dan Abdul Aziz sebagai Putera Mahkota. Apabila Abdul Malik pula memerintah, dia cuba menyingkirkan Abdul Aziz daripada menjadi penggantinya sebaliknya melantik anak-anaknya iaitu Al-Walid dan Sulaiman. Kemudiannya setelah Al-Walid berkuasa, dia juga ingin menyingkirkan Sulaiman dengan melantik anaknya Abdul Aziz. Mujurnya Al-Walid mati dahulu hingga cita-citanya terbelengkalai begitu sahaja.

Golongan mawali yang sudah lama berdentam dengan Bani Umayyah segera menyokong gerakan-gerakan pemberontak dan bagi golongan bukan Umayyah khususnya Bani Hashim, mereka menyusun strategi secara sulit bagi menumbangkan kerajaan Umayyah. Adapun bagi bakal-bakal Putera Mahkota yang tersingkir itu, timbullah masalah perebutan kuasa dan perang saudara yang berlarutan. Tiadanya unsur perpaduan di kalangan Bani Umayyah sendiri telah memudahkan pihak penentang mengambil peluang itu (Abd Rahman, 1984).

**8.0 KESIMPULAN**

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, ternyata bahawa teori 'asabiyyah yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun memainkan peranan yang besar di dalam pembentukan sebuah masyarakat dari negara yang kuat. Walau bagaimanapun, 'asabiyyah jugalah yang menyebabkan kehancurannya. Menurut Ibn Khaldun lagi, setiap kerajaan akan mengalami keruntuhan dan kehancuran sebagaimana manusia akan mengalami proses ketuaan dan seterusnya kematian. Sejarah telah membuktikan bagaimana

kerajaan yang besar seperti Rom, Parsi dan Islam telah mengalami proses ini. Kerajaan Komunis yang pernah menguasai dunia ketika dahulu sudah hancur menyembahi bumi.

**REFERENCES**

Al-Quran al-Karim  
 Al-Hadith al-Syarif  
 Abdul Rahman Haji Abdullah (1984), *Sejarah dan Pemikiran Islam*, Cet. 2, Penerbitan Pena Sdn. Bhd, Selangor.  
 Abu Daud (t.t), Sunan Abu Daud, *Dar al-Kitab al-Ilmiyyah*, Beirut.  
 Al-Khudhairi, Zainab (1987), *Filsafat Sejarah Ibn Khaldun*, Terj. Ahmad Rofi' Utsman, Pnyt. Ammar Haryono. Penerbit Pustaka, Bandung.  
 Al-Makki, Abd Raziq (1970) *al-Fikr al-Falsafi 'Inda Ibn Khaldun*, Muassasah al-Thaqafah al-Jami'iyah, Iskandariah.  
 Al-Mundhiri (1972), *Mukhtasar Sahih Muslim*, tahqiq Muhammad Nasr al-Din al-Bani, Maktabah al-Islami, Beirut.  
 Al-Munjid fi al-Lughah wa al-I'lam (1973), *Dar al-Masyriq*, Beirut.  
 Bouthoul, Gaston (1955), *Ibn Khaldun, Sa Philosophie Sociale*, Terj. ke dlm. Bahasa Arab oleh Adil Zuaitir, Ibn Khaldun, Falsafatuhu al-Ijtima'iyah, Dar al-Kutub al-Arabiyyah, Beirut.  
 Ensiklopedi Islam (t.t), Jilid 1, PT Ichtisar Baru Van Hoeve, Jakarta.  
 Ibn Khaldun, Abd Rahman (1966), *al-Muqaddimah Ibn Khaldun*, Maktabah al-Madrasah wa Dar al-Kitab al-Lubnani, Beirut.  
 Ibn Khaldun, Abd Rahman (1979), *Tarikh Ibn Khaldun, Muqaddimah Juz 1*, Muassasah Jamal, Beirut.

- Ibn Khaldun, 'Abd Rahman (1986), *Muqaddimah*. Terj. Ahmadi Thoha. Cet. 1, Pustaka Firdaus, Jakarta.
- Ibn Majah (1953), *Sunan Ibn Majah*, Isa al-Babi al-Halabi wa Syurqah, Misr.
- Ibn Manzur (1300H), *Lisan al-Arab*, Jil. 2. al-Matba'ah al-Misriyyah, Misr.
- Issawi, Charles (1976), *An Arab Philosophy of History*, Terj. Dr. A. Mukti Ali. Cet. 2, Penerbit Tintamas, Jakarta.
- Khairuddin Hj. Muhammad (1979), *Sejarah Islam*, Jil. 2, DBP, K.Lumpur.
- Mahayudin Haji Yahaya (1986), *Sejarah Awal Perpecahan Umat Islam (11-78H/632- 698M)*. Cet. 2, DBP, K.Lumpur.
- Mas'ud, Jabran (1967), *Al-Ra'id Mu'jam Lughawi Asri*, Dar al-Ilm li al-Malayin, Beirut.
- Nasy'at, M.A (1944), *al-Fikr al-Iqtishadi fi Muqaddimah Ibn Khaldun*, t.p, Cairo.
- Wan Mohd Azam Mohd Amin (1997), *Antara 'Asabiyyah dan Nasionalisme-Menurut Pandangan Dr. Burhanuddin al-Helmy*, Jabatan Pengajian Media UM, K.Lumpur.
- Yunus, H.M, (1972), *Kamus Arab-Indonesia*, Klang Book Centre, Klang.